



Bil. 12/2021 – C19(M) 31052021

**PENGUMUMAN TERKINI:  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)  
TOTAL LOCKDOWN FASA PERTAMA**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Di dalam Kenyataan Media YAB Perdana Menteri bertarikh 28 Mei 2021, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri Malaysia, telah mengumumkan pelaksanaan **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Total Lockdown Fasa Pertama seluruh negara dari 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021** berikutan penularan wabak COVID-19 yang semakin membimbangkan.

Sehubungan itu, pihak Pengurusan UNITEN telah mengambil inisiatif untuk menguatkuasakan langkah-langkah berikut (**bermula 1 Jun 2021**) selaras dengan arahan terbaru Kerajaan Malaysia. Edaran ini terpakai untuk **anggota kerja UNITEN di Kampus Putrajaya dan Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (KSHAS)**.

**A. PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P)**

- i. Pelaksanaan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) untuk Semester Khas 2020/2021 akan dijalankan secara dalam talian (*virtual*) sepenuhnya untuk semua program.
- ii. Kursus-kursus yang melibatkan penggunaan makmal akan disusun semula. Perincian mengenai perkara ini akan dimaklumkan oleh Dekan kolej berkenaan.
- iii. Kerja makmal secara bersemuka (*face to face*) untuk projek pelajar tahun akhir dan Pasca Siswazah adalah ditangguhkan.
- iv. Pengendalian peperiksaan lisan (*viva-voce*) pelajar pasca-siswazah akan dijalankan secara dalam talian (*virtual*) melalui kaedah yang bersesuaian. Penghantaran tesis dan sebarang pertanyaan boleh dimajukan secara dalam talian ke alamat email [cogshelpdesk@uniten.edu.my](mailto:cogshelpdesk@uniten.edu.my).
- v. Pelajar yang terlibat dengan latihan industri perlu mematuhi garis panduan syarikat tempat latihan industri dijalankan.



## B. PENGINAPAN DAN PERGERAKAN PELAJAR

- i. Pelajar-pelajar yang masih berada di Kelompok Penginapan UNITEN **DIWAJIBKAN** kekal berada di kampus sepanjang tempoh PKP *Total Lockdown* Fasa 1.
- ii. Pelajar bertanggungjawab untuk memaklumkan keluarga masing-masing mengenai status penempatan dalam tempoh tersebut.
- iii. Kafeteria di dalam kampus akan terus beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh PKP untuk perkhidmatan *take-away* sahaja. Pelajar juga boleh menggunakan perkhidmatan penghantaran makanan (*food delivery services*).
- iv. Pelajar dibenarkan keluar kampus hanya untuk URUSAN PENTING dari jam 7.00 pagi sehingga 7.00 malam. Kebenaran khas diperlukan daripada Pengetua Kelompok.
- v. Kemasukan pelajar ke Kelompok Penginapan UNITEN untuk Semester Khas 2020/2021 adalah ditangguhkan ke satu tarikh yang akan diumumkan kemudian. Pelajar adalah diminta untuk mengikuti sesi pembelajaran secara dalam talian (*virtual*) daripada kediaman masing-masing.
- vi. Pelajar yang berada di kampung atau di luar kampus tidak dibenarkan untuk datang ke kampus KECUALI mendapat kebenaran daripada Pengurusan UNITEN.

## C. URUSAN BERKAITAN PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN

- i. Semua aktiviti penyelidikan dan perundingan di makmal-makmal dan di lapangan **perlu ditangguhkan sepanjang tempoh PKP *Total Lockdown* Fasa 1**, kecuali aktiviti penyelidikan dan perundingan yang **kritikal**, hanya melibatkan seorang penyelidik (tiada kontak dengan penyelidik lain yang boleh menyebabkan jangkitan COVID-19 berlaku) dan mendapat kelulusan khas Pengurusan UNITEN.
- ii. Kelulusan yang telah diberikan sebelum 1 Jun 2021 adalah terbatal.
- iii. Pengarah Institut Penyelidikan (*Research Institutes*) dan Ketua Projek hendaklah memastikan pemantauan yang berterusan dan pematuhan SOP berkaitan, bagi aktiviti penyelidikan dan perundingan kritikal yang dibenarkan.



#### D. KAWALAN KELUAR / MASUK KAMPUS DAN PERKHIDMATAN LAIN

- i. Laluan pintu keluar/ masuk ke kampus adalah dihadkan kepada laluan pintu masuk utama sahaja dari jam 7.00 pagi sehingga 7.00 malam
- ii. Fasiliti utama kampus seperti kompleks sukan, Pusat Pelajar, *UNITEN Customer Centre (UCC)*, makmal-makmal, makmal computer, perpustakaan dan *24-Hour Study Area* akan ditutup.
- iii. Perkhidmatan kaunter ditutup dan segala urusan adalah melalui perkhidmatan dalam talian.

UNITEN akan mengeluarkan pemakluman lanjut kepada Pelajar dari semasa ke semasa. Semua pelajar juga diminta untuk mengambil maklum dan mematuhi arahan seperti yang telah ditetapkan. Semoga segala inisiatif yang diambil ini mendapat sokongan dan kerjasama semua bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan bersama. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi *UNITEN COVID-19 Taskforce* melalui emel [covid19taskforce@uniten.edu.my](mailto:covid19taskforce@uniten.edu.my).

Sekian, terima kasih.

**Prof. Dato' Ir. Dr. Kamal Nasharuddin bin Mustapha** *FASc, FIEM*

**Naib Canselor**

Universiti Tenaga Nasional

31 Mei 2021